1	Cheng Jie	Influence of Intercultural Competence on Chinese Multinational Entrepreneurs' Strategy from the Perspective of Social Network	Prof. Dr. Roselina Ahmad Saufi, Penyelia.
2	P. Yukthamarani A/P Permarupan	The Architecture of Positive Value and the Impact on Work Ethics and Engagement	Prof. Dr. Roselina Ahmad Saufi, Penyelia.
3	Zaleha Hassan	A Study On Entrepreneurship Behaviour Among Malay Women In Micro Enterprises: Identifying Financial Management Decision Behaviour Stating On Entrepreneur – An Application on Heritage Content	Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Penyelia. Dr. Suhaila Ab Kadir, Penyelia Bersama.

4	Fadhilahanim Aryani Abdullah	SME Innovation Index Towards Enhancing Competency of SME in Malaysia	Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Penyalia.
5	Nooraha Abd Razak	The Impact of Social Entrepreneurship on Social Enterprise Success	Prof. Dr. Raja Suzana Raja Kasim, Penyalia Bersama
6	Lilianty Nadzeri	The Relationship of Stress Audit and Internal Audit Functions	Prof. Dr. Raja Suzana Raja Kasim, Penyalia Bersama.
7	Zulazli Hashim	Inclusion Model of The Disabled University Students in Entrepreneurship Education	Prof. Dr. Raja Suzana Raja Kasim, Penyalia Bersama.
8	Aziyah Mohd Yusoff	The Relationship Transformational and Innovative Work Behaviour Among High Performing Teachers In Malaysia: The Mediating Role of Teachers Self-Efficacy and Leader-Member Exchange	Prof. Dr. Naresh Kumar A/L Samy, Penyalia.
9	Mohd Harun Shahudin	Virtual Sharing Knowledge Among Academics Teaching Entrepreneurship Courses In Malaysia Universities	Prof. Dr. Naresh Kumar A/L Samy, Penyalia.
10	Nur Hazelen Mat Rusok	The Influence of Constructive Thought Pattern and Social Capital on The Entrepreneur Innovativeness – Innovation Performance Relationship	Prof. Dr. Naresh Kumar A/L Samy, Penyalia.
11	Rikinorhakis Ridzwan	Social Networks and Contextual of Leadership for Entrepreneurship Success	Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Penyalia.

12	Nik Zati Hulwani Nik Idris	Islamic Hedging: Speculation or Risk Management?	Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Penyelia.
13	Nurul Najihah Yasim	Wedding Industry Towards A Professional Entrepreneurs	Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Penyelia.
14	Zaleha Hassan	A Study On Entrepreneurship Behavior Among Malay Women In Micro Enterprise: Identifying Financial Management Decision Behaviour Stating On Entrepreneur – An Application Of Theory Planned Behaviour	Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Penyelia.
15	Fatin Norsyafawati Mohd Sabri	An Exploratory Study On Animated Infographics Mobile Augmented Reality Card Application On Heritage Content	Ts. Dr. Nik Zulkarnaen Khudzir, Penyelia.
16	Thuraisyah Jaafar	The Effect Of Physiological Safety And Intrinsic Motivation On The Relationship And Leader Member Exchange On Voice Behaviour	Prof. Dr. Naresh Kumar A/L Samy, Penyelia.
17	Siti Norasyikin Abdul Rahman	The Effect Of Knowledge Sharing Enablers And Innovation Capability: Islamic Work Ethics As Moderator	Prof. Dr. Naresh Kumar A/L Samy, Penyelia.
18	Puvana A/P Arumugan	The Factor Influencing Consumer to Purchase Halal Meat	Prof. Dr. Naresh Kumar A/L Samy, Penyelia.
19	Asiah Mat	Mobile Agent Integrity and Availability For Home Intelligent Health Care	Ts. Dr. Nik Zulkarnaen Khidzir, Penyelia.
20	Teh Kean Lip	Multidimensional Factors Affecting Entrepreneurs Behaviour Intention Towards Sustainable Entrepreneurship	Prof. Dr. Naresh Kumar A/L Samy, Penyelia Bersama.

21	Elisa Azura Ali	Work-Family Conflict (WFC) and Family-Work Conflict (FWC) Towards Career Self-Management (CSM)	Prof. Dr. Naresh Kumar A/L Samy, Penyalia.
22	Haznina Aini Hassan	Effect Of Behavioural Finance On Investment Decision Performance in Kelantan	Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Penyalia.
23	Mohammad Osman Goni	Developing New Business Model For Social Entrepreneurship In Malaysia (Context-Malaysia On Bangladesh)	Prof. Dr. Naresh Kumar A/L Samy, Penyalia.
24	Sheikh Abdullah-Al-Musa Ahmed	Social Engineering A Hacks And Prevention Technique For Digital Evidence Based Solution	Ts. Dr. Nik Zulkarnaen Khidzir
25	Mohd Hanif Mohd Ali	Cyber Security On Human Behaviour In Malaysia Banking Institutions	Ts. Dr. Nik Zulkarnaen Nik Muhammad, Penyalia

ANUGERAH / PENCAPAIAN



5 EMAS

- Teaching Enhancement and Learning Innovation Carnival (TELIC) 2019

1 EMAS

- Malaysia Technology Expo (MTE) 2019



9 PERAK

- Teaching Enhancement and Learning Innovation Carnival (TELIC) 2019



28 GANGSA

- Teaching Enhancement and Learning Innovation Carnival (TELIC) 2019



1 MERIT

- Teaching Enhancement and Learning Innovation Carnival (TELIC) 2019

PENERBITAN



Scopus / ISI

- Kakar, A., Saufi, R., & Mansor, N. (2019). Person-organization fit and job opportunities matter in HRM practices-turnover intention relationship: a moderated mediation model. *Amazonia Investiga*, 8(20), 155-165. Retrieved from <https://amazoniainvestiga.info/index.php/amazonia/article/view/75>
- Abdul Samad Kakar, Prof. Dr. Roselina Ahmad Saufi, Nur Naha Abu Mansor, Harcharanjit Singh (2019), Work-life balance practices and turnover intention: The mediating role of person-organization fit, 6(9), 76-84. doi: 10.21833/ijaas.2019.09.012 (IJAAS). Retrieved from <https://doi.org/10.21833/ijaas.2019.09.012>
- Zainuddin, M. N., Mukhtar, D., Hasan, N. A., & Ali, M. H. (2019). Entrepreneurial passion development: The interplay between heuristic thinking and pedagogical experience during entrepreneurial learning. *Jurnal Pengurusan*, 55. ISSN 01272713
- Lu Man Hong, Noorshella Che Nawi, Wan Farha Wan Zulkiffli, Dzulkifli Mukhtar, Shah Iskandar Fahmie Ramlee (2019), Perceived Risk on Online Store Image Towards Purchase Intention, ISSN 1923-3981(Print)ISSN 1923-399X(Online), <https://doi.org/10.5430/rwe.v10n2p48>
- Raja Suzana, R. K., Zulazli, H., & Zainudin, A. (2017). Social innovation and its influence on youth start-ups: The marginalised communities in malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 25(June), 89-98. ISSN 01287702 (diterbitkan di SCOPUS pada 21 Disember 2019)



Buku

- Nik Maheran Nik Muhammad. (2019). Case study in retail: Challenges, Solutions & Outcome (Lecturer Edition). Malaysia: Universiti Malaysia Kelantan. ISBN: 978-967-2229-66-7
- Nik Maheran Nik Muhammad. (2019). Case study in retail: Challenges, Solutions & Outcome (Student Edition). Malaysia: Universiti Malaysia Kelantan. ISBN: 978-967-2229-65-0



Hakcipta

- Modul Program Keusahawanan: Buka Bisnes Bakeri & Pastri (100 Resepi Istimewa Remaja Sabah) (CRLY00007519)
- Modul Program Keusahawanan: Perancangan Perniagaan (CRLY00007517)
- Modul Program Keusahawanan: Mengurus Duit (CRLY00007520)
- Modul Program Keusahawanan: Buka Bisnes Dalam 4 Minggu (CRLY00007516)
- MARST – Mobile Augmented Reality in Sustainable Tourism (LY2019000512)
- CORE – STEM Education and Learning (LY2019000515)
- Keusahawanan dan Inovasi Sosial: Ke Arah Penjanaaan Semula Pembangunan Generasi Muda Yang Positif (CRLY00007518)

JARINGAN KERJASAMA INDUSTRI DAN AKADEmia

Persatuan Peranakan
Cina Kelantan (PPCK)

01

Ruzz Gahara

02

University of Applied
Sciences & Arts
Northwestern
Switzerland (FHNW)

03

VKA Wealth Lab

04



05

Swiss Malaysia Business
Association (SMBA)

06

Education and Higher
Education Europa Hochschule
EurAka (EurAka)

07

Handong Global
University of South
Korea (HGU)

08

KL Rizal

AKTIVITI GERIC

Majlis Makan Malam Apresiasi GERIC – MEDLIT ERASMUS+ di Grand Renai, Kota Bharu, Kelantan (8 Januari 2019)

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berkolaborasi dengan lima buah negara iaitu Thailand, Vietnam, Austria, The Netherlands dan Jerman yang menganggotai geran penyelidikan antarabangsa ini adalah Geran Erasmus + dari European Union yang menawarkan projek penyelidikan bertajuk "Media Literacy as A Media Competence Program for Social Change (MEDLIT)" bermula pada September 2015 – Mei 2018.

Majlis Makan Malam Apresiasi MEDLIT-GERIC ini diadakan bagi menghargai usaha dan penglibatan daripada semua ahli yang komited dalam penglibatan akhir projek iaitu pembelajaran secara eletronik menggunakan pendekatan "Massive Online Open Course (MOOC)". Projek ini disempurnakan dengan jayanya pada 2018. Laporan akhir telah dikemaskini dan dipanjangkan kepada Ketua Projek antarabangsa iaitu Universiti of Vienna, Austria.



Malaysia Technology Expo (MTE) 2019 di PWTC, Kuala Lumpur (21-23 Februari 2019)

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berjaya merangkul tujuh pingat emas, lapan pingat perak, tiga gangsa dan dua anugerah khas juri pada pameran Malaysia Technology Expo (MTE) 2019 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, pada 21 sehingga 23 Februari 2019. Pada edisi kali ini, UMK telah menghantar sebanyak 18 penyertaan, dalam pelbagai kategori yang dipertandingkan yang membabitkan 65 penyelidik daripada fakulti.

GERIC telah menyumbangkan emas bagi produk SMEII: Small and Medium Enterprise Innovation-Based Capability and Competency Index oleh Felo GERIC, Prof. Madya Dr. Rosli Salleh, manakala pingat perak menerusi YM Prof. Dr. Hj. Raja Suzana Raja Kasim, Pengarah GERIC bagi inovasi program My STEM Ambassador: STEM Mentor Mentee yang juga merupakan inisiatif Prof@School sebuah projek khas di bawah mantan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan pingat gangsa menerusi Felo GERIC, Ts. Dr. Tan Tse Guan bagi produk ARColar: An Augmented Reality Colouring Book.



Young Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI) Boot Camp 2019 Sempena Program Unipreneur Fest (27 – 28 April 2019)

YSEALI Boot Camp 2019 sempena Program "Unipreneur Fest" telah diadakan di Bilik Seminar Aras 2, Pejabat Pendaftar, Bangunan Canselori Universiti Malaysia Kelantan, Bachok. Program ini dianjurkan oleh Global Entrepreneurship Research and Innovation Centre dengan kerjasama pihak U.S Embassy.

Program ini telah berjaya mengumpul penyertaan dari kalangan pelajar dan belia sebagai ahli YSEALI yang bertujuan untuk membincangkan dan memberi idea dalam penyelesaian kepada cabaran semasa yang dihadapi oleh komuniti. Selain itu, ia bertujuan untuk memberi inspirasi kepada pelajar yang terlibat dan memupuk kepimpinan dalam kalangan belia. Program ini mendapat seramai 60 penyertaan dari pelajar UMK.



30th International Invention, Innovation and Technology Exhibition Malaysia di Kuala Lumpur (3 Mei 2019)

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) terus mengungguli kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi di peringkat antarabangsa apabila memenangi lima pingat emas dan tujuh pingat perak di Pameran Teknologi Inovasi, Teknologi dan Inovasi Antarabangsa (ITEX) 2019 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur.

Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC) menyumbang satu (1) pingat emas menerusi produk "CORE - From OKU2U STEMpreneur to STEM Education and Learning" oleh YM Prof. Dr. Hj. Raja Suzana Raja Kasim, dua (2) pingat perak menerusi produk "An Edutainment Augmented Reality (AR) App for Kids to Learn Animals" oleh Ts. Dr. Tan Tse Guan dan produk "Mambong Pottery: From Heritage to Legacy" oleh Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad.



Teaching Enhancement and Learning Innovation Carnival (TeLIC 2019) di Laman Canselor UMK Bachok (20-21 Mei 2019)

Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC) telah memenangi 5 pingat emas dalam penyertaan Teaching Enhancement and Learning Innovation Carnival (TELIC) 2019 yang dianjurkan oleh Pusat Kecemerlangan Dan Pembangunan Akademik, Universiti Malaysia Kelantan pada 21 Mei 2019 di UMK Kampus Bachok. Penyertaan daripada GERIC yang memenangi emas adalah:

- i. Heropreneurship on OKU2U at UMK, MOOC;
- ii. Startup Using Quadruple Helix Model Using E-Campus;
- iii. Evidence-Based Teaching and Supervision Using MOOC; dan
- iv. New Process of Creativity and Learning Effectiveness in Designing Marketing Workshop.

Projek penyelidikan yang kelima ini disertai oleh pelajar Penyelidikan ini diketuai oleh YM Prof. Dr. Hjh Raja Suzana Raja Kasim, Pengarah GERIC bersama beberapa penyelidik lain dengan tajuk:

- i. OKU2U Stempreneur to Stem Education & Learning.



Geran Mesteec Dana Malaysia Social Innovation (MySI) Bersama Wakil Komuniti B40 Kg. Tebing Tinggi dan Lembaga Perikanan Kelantan di UMK Kampus Kota (28 Mei 2019) - Teknologi Tangki Cent-Ras Kerapu Hybrid Meningkatkan Ekonomi Komuniti B40 Dalam Penternakan Ikan Marin

28 Mei 2019: Pengarah Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC) telah mengadakan satu mesyuarat bersama wakil Komuniti B40 Kg Tebing Tinggi dan Lembaga Perikanan Kelantan yang melibatkan para usahawan akuakultur bagi menjayakan program di bawah Geran MESTEEC dana Malaysia Social Innovation (MySI) bertempat di UMK Kampus Kota.

Objektif utama projek ini dilaksanakan adalah untuk memperkasakan ilmu keusahawanan dalam kalangan usahawan muda perikanan melalui teknologi CENT-RAS dalam penghasilan ikan kerapu hybrid. Projek ini yang akan membantu meningkatkan pengeluaran ikan dan memperkasakan ekonomi 100 orang generasi muda B40 yang berminat dalam penternakan dan keusahawanan akuakultur di Kg. Tebing Tinggi Kota Bharu, Kelantan. Pelaksanaan dan kejayaan projek ini akan memberikan impak dan faedah kepada Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) Kelantan.

Mesyuarat Geran Mesteec Dibawah Dana Malaysia Social Innovation MySI Bersama Wakil Komuniti B40 Dan Pembina Kelantan – Peningkatan Ekonomi B40 Melalui Program Natural, Improved, Cheap Egg Custard (NICHE)

29 Mei 2019: Pengarah Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC)

telah mengadakan satu mesyuarat bersama Wakil Komuniti B40 dan Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) Kelantan bagi membangunkan usahawan Undang.

Objektif utama projek ini adalah untuk meningkatkan penghasilan benih udang galah melalui inovasi dalam makanan alternatif udang galah. Selain itu, projek ini juga memfokuskan untuk melatih peserta mengenai penyediaan makanan alternatif benih udang galah dan melatih peserta untuk menguruskan udang galah secara mapan. Pelaksanaan dan kejayaan projek ini akan memberikan impak dan faedah terutama pengeluaran benih udang galah Negara khususnya di daerah Manjung, Perak.

Mesyuarat Susulan Geran MESTEEC Bersama Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

30 Mei 2019: Pengarah Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC) telah mengadakan satu mesyuarat bersama Pengarah Perikanan Negeri Kelantan yang juga merupakan mesyuarat susulan pada 28 Mei 2019. Projek ini bertujuan mewujudkan usahawan akuakultur dari kelompok komuniti B40 di negeri Kelantan ini dan Jabatan Perikanan Negeri Kelantan sebagai rakan kolaborator projek ini memberikan kerjasama sepenuhnya dalam pembangunan modal insan bagi melahirkan komuniti yang berilmu terutamanya dalam bidang keusahawanan akuakultur khususnya di negeri Kelantan ini.

Objektif utama projek ini dilaksanakan adalah untuk memperkasakan ilmu keusahawanan dalam kalangan generasi muda dalam sektor perikanan. Projek ini menggunakan teknologi CENT-RAS dalam

penghasilan ikan kerapu hybrid yang membantu meningkatkan pengeluaran ikan. Aktiviti ini dijangka akan memperkasakan ekonomi 100 orang generasi muda B40 yang berminat dalam penternakan dan keusahawanan akuakultur di Kg. Tebing Tinggi Kota Bharu, Kelantan.

Pelaksanaan dan kejayaan projek ini akan memberikan impak dan faedah kepada Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) Kelantan.

"Mad Scientist English Camp" – SMK KG. LAUT, KOTA BHARU, KELANTAN (27 Jun 2019)

"Mad Scientist English Camp" telah dikendalikan oleh Penyelaras Program Prof@School dan MySTEM Ambassador yang juga merupakan Pengarah GERIC UMK. Program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris melalui ETA – English Teaching Assistants. Terdapat seramai 16 orang peserta dari Malaysian American Commission on

Education Exchange (MACEE) terlibat sebagai pembantu pembelajaran Bahasa Inggeris kepada lebih 100 pelajar di Kelantan khususnya SMK Kampong Laut.

Bagi tahun 2019, program Fulbright ETA ini merupakan geran terbesar MACEE Malaysia adalah negara ketiga selepas Jerman dan Korea Selatan yang terlibat dalam program ini.



Bengkel Penyediaan dan Pemurnian Kertas Cadangan Penyelidikan: Geran MyLab, Geran Dana Keusahawanan Berimpak Tinggi, Dana Inovasi Sosial dari British Council UK dan Geran APEC MESTECC 2019 – Sutera Inn Prima, Kota Bharu, Kelantan (10&11 Julai 2019)

Bengkel Penyediaan dan Pemurnian Kertas Cadangan Penyelidikan Geran MYLAB, Geran Dana Keusahawanan Berimpak Tinggi, Dana Inovasi Sosial dari British Council UK, dan Geran APEC, MESTECC 2019 ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Nazily Bin Mohd Noor, Presiden & Ceo OEW Group Sdn. Bhd.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menambahbaik penulisan kertas cadangan dari segi kualiti penulisan dan teknikal, penyelidik didedahkan dengan teknik rancangan perniagaan dan model kewangan yang 'berkable' dan menepati kriteria yang ditetapkan dalam permohonan.



2ND Beehive International Social Innovation Challenge 2019 BISIC19 – UMK Kampus Kota, Kelantan & University Prince of Songkhla, Thailand (13 – 22 Julai 2019)

BISIC 19 kali ini telah diadakan di tiga buah tempat seperti berikut;

13-17 July 2019 | Prince Songkhla University, Pattani Campus, Thailand

18-19 July 2019 | University Malaysia Kelantan, City Campus Kota Bharu, Kelantan

20-22 July 2019 | Pulau Perhentian Kecil, Terengganu, Malaysia



Program ini melibatkan 40 orang pelajar, gabungan tiga Universiti iaitu Prince of Songkhla Universiti y (PSU), Thailand, Universiti of Bengkulu, Indonesia dan Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia. Para peserta diperkenalkan dengan elemen-elemen inovasi sosial dan pembentukan teroka perniagaan baharu.

Perbincangan Meja Bulat Pendidikan STEM: Isu, Cabaran dan Cadangan

Penyelesaian – Universiti Malaya (18 Julai 2019) #University4Society
Pengarah Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC) selaku Penyelaras Program MySTEM Ambassador, KPM dan juga Prof@School UMK telah dijemput menghadiri Perbincangan Meja Bulat (RTD) Pendidikan STEM yang dianjurkan oleh Pusat STEM Negara. Program ini dibahagikan kepada beberapa sesi antaranya sesi pemegang taruh bagi pembangunan strategi dan kolaborasi, sesi pengajaran, kaedah pembelajaran dan pedagogi pendidikan dan sesi pembudayaan ilmu bagi program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Antara yang telah dikupas di dalam RTD Pendidikan STEM ini adalah:

- 1) Melaksanakan sesi bersama pemegang taruh utama untuk mendapatkan input/cadangan idea mengenai isu semasa dan penyelesaian yang berkaitan;
- 2) Melaksanakan sesi yang mengupas isu pengajaran dan pembelajaran ke arah pendidikan 4.0;
- 3) Mengendalikan sesi percambahan idea dan cadangan penambahbaikan antara pemegang taruh;
- 4) Memastikan idea dapat dimantapkan dengan pemegang taruh lain setelah idea-idea cadangan saling bertukar; dan
- 5) Mencadangkan segala usulan di bawah ke peringkat Kementerian/Agensi untuk cadangan pelaksanaan.

**ROUNDTABLE:
STEM EDUCATION**

**ISSUES,
CHALLENGES &
RECOMMENDATIONS**

18 JULY 2019 (THURSDAY)

9 AM - 1 PM

**CUBE @ BALAJI IMU, ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES,
UNIVERSITY OF MALAYA (UM)**

MODERATOR:
DATO' PROF. DR. NORAINI IDRIS
(NATIONAL STEM MOVEMENT)

PANELISTS:
1. DATUK PROF. DR. AWANG BULGIRA
BIN AWANG MARUD
(UNIVERSITY OF MALAYA)
2. DR. RAHMAT SHAZI
(SHAZI INNOVATION SOLUTIONS)
3. MADAM ZALIZA BINTI ALIAS
(GAINS EDUCATION GROUP)
4. MS. BERNADINE CARUANA
(COUNSELLOR, EDUCATION AND
SCIENCE OF THE AUSTRALIAN HIGH
COMMISSION, KUALA LUMPUR)

REGISTER VIA THIS LINK:
<https://forms.gle/4DRT6aGdyYK>
OR
QR CODE:

**RM 20
ADMISSION
FEE**

**RM 50
EXHIBITION
BOOTH
FEE**

Sponsors:
UN STEM, NATIONAL STEM MOVEMENT, GAINS EDUCATION GROUP, UTHM, unisel

In collaboration with:
NATIONAL STEM ASSOCIATION, GAINS EDUCATION GROUP

How to pay?
(1) Transfer to: stem@um.edu.my
(2) Bank deposit: stem@um.edu.my
(3) Pay online (credit/debit, internet banking)
(4) Cash payment
(5) Cash receipt and receipt of
payment must be shown at
stem@um.edu.my
Any enquiry please contact us at:
stem@um.edu.my



Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia: Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif AKRI 2019 – Bilik Mesyuarat Eksekutif, UMK Kampus Kota (18 Julai 2019)

Pengarah Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC) telah dilantik sebagai Penyelaras AKRI (2019) bagi peringkat Universiti. Satu sesi perbincangan mengenai proses untuk merangka rekabentuk kurikulum dan kaedah penyampaian yang berkualiti dan berinovatif bersama masyarakat telah dilaksanakan.

Profesor Dr. Suria Baba selaku Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) diundang untuk berkongsi panduan "the Do's & Don't's" dalam pembangunan modul kurikulum. Pembudayaan inovasi dalam pembentukan kurikulum untuk kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran merupakan kaedah penyampaian yang diambil kira dalam menentukan kejayaan sesuatu kampus. Sekretariat Penyelaras telah menerima 10 penyertaan dari warga fakulti. Setelah meneliti dan proses penilaian oleh Jawatankuasa Panel Penilai. Sejumlah 6 penyertaan disenarai pendek dan dihantar kepada Sekretariat Jabatan Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan Malaysia.



Pelancaran Program Keusahawanan Kanak-Kanak: Pembelajaran dan Penyelidikan Berasaskan Inkuiri – Sekolah Kebangsaan Kedai Buloh 2, Kota Bharu, Kelantan (29 Julai 2019)

Majlis Penutup "I love English with UMK" dibawah program MySTEM Ambassador dan Prof@School telah diadakan pada 29 Julai 2019 di SK Kedai Buloh 2, Kota Bharu. Majlis pelancaran Program Keusahawanan Kanak-Kanak: Pembelajaran dan Penyelidikan Berasaskan Inkuiri yang memfokuskan kepada murid-murid pra-sekolah Tahap 1 dan Tahap 2. Program

ini telah disempurnakan oleh Y. Brs. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Malaysia Kelantan.

Pada masa yang sama, penyelidik dan felo Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global telah menyempurnakan program intervensi 'I Love English with UMK' bersama 100 orang pelajar Tahun 6. Program ini merekodkan kajian pra dan pos pembelajaran matapelajaran Bahasa Inggeris dalam membantu pengukuhan penulisan dan pemahaman murid-murid.



Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Penyelidikan Berimpak Tinggi bersama Komuniti dan Industri – Hotel Jewel, Kota Bharu, Kelantan (19 Ogos 2019)

Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Penyelidikan berimpak tinggi bersama komuniti dan industri oleh Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bukan sahaja berjaya mengenalpasti permasalahan (problem statement) industri tetapi dapat membantu meningkatkan tiga kali ganda produktiviti industri kecil dan sederhana (IKS) dan mikro industri.

Pengarah Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC), UMK, YM Prof Dr Hjh Raja Suzana Raja

Kasim berkata program seumpama ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui penyelidikan bersifat translational, berinovasi dan pengkomersilan melalui jaringan kerjasama universiti dan industri.

Seramai 40 peserta yang terdiri dari kalangan penyelidik UMK, wakil industri, Air Kelantan Sdn. Bhd. dan Malaysia Association of Water, Pengarah, Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Kelantan, wakil Pengarah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, wakil Pengarah JPN Kelantan, Gurubesar sekolah, warga Kolej-Kolej Vokasional dari seluruh Kelantan dan Kolej Vokasional Gerik, Perak yang turut menyertai bengkel berkenaan.




**Bengkel Penyediaan
KERTAS CADANGAN
PENYELIDIKAN
BERIMPAK TINGGI**
bersama **KOMUNITI DAN INDUSTRI**
19 OGOS 2019 HOTEL JEWEL



International Conference on ASEAN Food 2019 (ICOAF 19) – UMK Kampus Kota, Kota Bharu, Kelantan (29 Ogos 2019)

Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global dengan kerjasama Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan telah menganjurkan Program International Conference on Asean Food 2019 (ICOAF19) yang bertempat di Dewan Kuliah K106D di Blok K, UMK Kampus Kota dengan tema "Future Food Innovation For Better Health And Wellness"



Lawatan Kerja University of Applied Arts and Science (FHNW) dan Swiss Malaysia Business Association (SMBA) ke UMK – Bilik Mesyuarat Eksekutif, UMK Kampus Kota (5 Oktober 2019)

Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Invoasi Global (GERIC) telah menerima kunjungan dari University of Applied Arts and Sciences Switzerland (FHNW) dan Swiss Malaysia Business Association (SMBA). Perbincangan kerjasama penganjurkan Swiss Innovation Challenge 2020 (SICM 2020) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif, UMK Kampus Kota.

Penganjurkan Swiss Innovation Challenge Malaysia bagi tahun 2020 juga telah mendapat kerjasama dari DRB-Hicom University fo Automotive (DHU) dan Putra Business School (PBS). Pihak FHNW dan SMBA telah bersetuju untuk menjadikan GERIC sebagai penganjur utama.



GRASSROOT INNOVATION DIALOGUE AND ROUND TABLE DISCUSSION - IMPIANA HOTEL KUALA LUMPUR (9 Oktober 2019)

Pengarah GERIC telah menyertai perbincangan meja bulat dan sesi dialog inovasi akar umbi anjuran Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Mestecc di

Hotel Impiana Kuala Lumpur. Program ini bertujuan untuk menerokai peluang-peluang membangunkan inovasi akar umbi dan aktiviti-aktiviti pengkomersilan dan perkongsian geran-geran pembiayaan yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan dan antarabangsa.



Bengkel Perbincangan Kumpulan Berfokus Bagi Membangunkan Kajian Kes Pendidikan Keusahawanan Kanak-Kanak – UMK Kampus Kota, Kelantan (21 & 22 November 2019)

Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC) telah mengadakan bengkel selama dua (2) hari di Bilik Mesyuarat GERIC, UMK Kampus Kota. Bengkel ini telah disertai oleh ketua projek kajian kes pendidikan keusahawanan kanak-kanak, Prof. Madya Dr. Yohan Kurniawan, Pengarah GERIC dan pensyarah dari FKP, Dr. Nurul Izyan binti Mat Daud dan Pn. Noor Raihani binti Zainol.

Bengkel ini bertujuan membangunkan kajian kes pendidikan keusahawanan kanak-kanak dengan program intervensi bersama beberapa sekolah di sekitar Kota Bharu dan Bachok. Sekolah-sekolah yang telah dikenalpasti adalah SK Bachok, SK Che Deris dan SK Kedai Buloh 2.

Latihan Minda Kreativiti Minda Keusahawanan Kanak-Kanak Bersama Anak-Anak Penduduk Orang Asli Temiar Di Pos Hau, Gua Musang, Kelantan (1 November 2019)

GERIC telah mengikuti Program Komuniti Jejak Orang Asli Temiar di Pos Hau, Gua Musang anjuran Pejabat TNCPI yang berlangsung pada 31 Oktober sehingga 02 November 2019. Kanak-kanak orang asli yang berumur dalam lingkungan 3 – 6 tahun telah didedahkan dengan aktiviti-aktiviti menjana idea dan kreativiti. Aktiviti-aktiviti seperti seni kraf, permainan, nyanyian dan tarian dilihat telah membina kemahiran komunikasi kanak-kanak ini. Seramai 18 orang kanak-kanak dari lebih 30 buah keluarga telah mengikuti program ini. Beberapa aktiviti penajaan kreativiti dan keusahawanan juga telah dikongsi kepada mereka. Kanak-kanak ini di dedahkan dengan seni kraf menggunakan batang aiskrim pelbagai warna dan gam.



'Pocket Talk' Di Majlis Sambutan Ulangtahun Ke-19 GISBH Di Bandar Country Homes, Rawang (3 November 2019)

Global Ikhwani Service Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) telah mengadakan sambutan ulangtahun ke-19 pembukaan Premis Perniagaan GISBH di Bandar Country Homes, Rawang, Selangor.

Di majlis sambutan tersebut, Pengarah GERIC, YM Prof. Dr. Hjh. Raja Suzana Raja Kasim telah diundang berkongsi ilmu pendidikan keusahawanan dalam sesi "Pocket Talk" kepada generasi muda GISBH. Slot yang berlangsung selama 1 jam ini turut disertai oleh anak-anak dari TVET tahfiz GISBH.



Program Pasca UPSR Reka Cipta, Sains Dan Teknologi Di SK Che Deris, Kota Bharu, Kelantan (4 November 2019)

Pengarah GERIC telah dijemput merasmikan Program Reka Cipta, Sains dan Teknologi yang berlangsung selama lima (5) hari di SK Che Deris. Program ini melibatkan lebih seratus (100) orang murid-murid tahun enam (6) yang telah menduduki UPSR 2019. Murid-murid pasca UPSR ini diberi kemahiran rekacipta, sains dan teknologi secara imersif dan praktikal.



Kursus Reskilling Pengurus Pengoperasian Perniagaan Dalam Merancang Start-Up Perniagaan Di Regalpark Hotel Kuala Lumpur (5 – 7 November 2019)

Pengarah GERIC telah dijemput sebagai penceramah utama bagi program reskilling anjuran Bahagian Pendidikan dan Latihan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia di Regalpark Hotel, Kuala Lumpur melibatkan tenaga-tenaga pengajar dari kolej vokasional seluruh negara.



UNESCO Unitwin Project: Handong Global University, South Korea and Global Entrepreneurship Research And Innovation Centre, UMK Di Bilik Mesyuarat Eksekutif Umk Kampus Kota (21 November 2019)

UMK melalui Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC) telah menerima kunjungan dari Handong Global University, South Korea (HGU) bagi membincangkan peluang kerjasama bagi Projek UNESCO-UNITWIN. HGU telah mendapat tawaran geran antarabangsa dari UNESCO dan perlu mencari rakan penyelidik bersama dalam konteks penyelidikan dan intervensi keusahawanan teknologi dalam komuniti terpinggir di Kelantan.

Di antara aktiviti yang akan dijalankan dalam Projek UNESCO-UNITWIN adalah seperti berikut:

1. Penyelidik Keusahawanan Global dan Global Entrepreneurship Training (GET),
2. Start-up Incubation, Urban Development in Developing Countries,
3. Next Generation Entrepreneurship Capacity Building.



BOOTCAMP KEPIMPINAN PENDIDIK KEUSAHAWANAN UNIVERSITI DI H-ELITE HOTEL KOTA BHARU, KELANTAN (25 hingga 28 November 2019)

Pengarah GERIC telah ditawarkan untuk mengikuti kem UNILEEB Fasa 1, anjuran Akademik Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), University of Essex dan UMK. Kem yang berlangsung selama empat hari ini disertai oleh IPTA di seluruh negara. Tenaga pengajar yang ditawarkan dalam kursus ini akan menerima pengiktirafan sebagai pendidik keusahawanan yang bertauliah.



Bengkel Perbincangan Meja Bulat Kajian Kes Pengesanan Graduan Menganggur Anak Jati Negeri Kelantan Di Crystal Lodge Hotel, Kota Bharu, Kelantan (3 Disember 2019)

Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC) telah mengadakan bengkel perbincangan meja bulat bagi membangunkan kajian kes pengesanan graduan menganggur anak jati negeri Kelantan.

Bengkel ini turut disertai oleh Pengarah Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (SUK), Tuan Haji Mohd Farid Dato' Abdul Razak. Selain itu, bengkel ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari agensi dan jabatan seperti Pejabat Majlis Daerah, Majlis Adat Istiadat Kelantan, Jabatan Hal Ehwal Islam Kelantan, Yayasan Islam Kelantan, Perbadanan Kemajuan Iktisas Negeri Kelantan (PKINK), Kolej Vokasional Pasir Mas dan Felo GERIC UMK sendiri sebagai fasilitator bengkel.



Kajian Kes Keusahawanan Islam GISBH dan Kunjungan Hormat Delegasi UMK Ke GISBH Di Pusat Perniagaan Ikhwan, Rawang, Selangor (5 Disember 2019)

Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC) bersama YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Ismail, Naib Canselor UMK telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif GISBH, YM Dato' Lokman Hakim Pfordten lawatan

ke premis-premis perniagaan dan panggung mini GISBH telah dilaksanakan. Terdapat lebih 35 buah premis perniagaan di sekitar Bandar Country Homes, Rawang, Selangor.

Kunjungan ini antara lain adalah untuk mengadakan jalinan kerjasama pembangunan kajian keusahawanan Islam global GISBH yang telah membangunkan perniagaan mereka di lebih 16 buah negara diseluruh dunia.



Kajian Kes Keusahawanan Islam Generasi Muda Di Maahad Tahfiz Wal Ulum Al-Ghazali, Puchong, Selangor (6 Disember 2019)

Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC) akan membangunkan kajian kes keusahawanan Islam generasi muda. Antara yang dikenalpasti ialah model-model yang dilaksanakan di Pusat Latihan Cara Hidup Islam di Maahad Tahfiz Wal Ulum Al-Ghazali di Puchong, Selangor yang merupakan satu dari puluhan tahfiz dibawah pengurusan GISBH. Pelajar tahfiz disini didedahkan dengan kemahiran keusahawanan pertanian dan peternakan. Pengalaman mengendalikan projek pertanian dan amalan perniagaan berkonsepkan Islam dan Sunnah Rasulullah s.a.w. secara praktikal menjadikan pelajar-pelajar tahfiz ini usahawan tani yang sebenar.



LANTIKAN / PENGLIBATAN

Profesor Pelawat

- Prof. Dr. Hjh. Raja Suzana Raja Kasim telah dilantik sebagai Profesor Pelawat dalam bidang keusahawanan di E.H.E. Europa Hochschule Euraka (EurAka), Switzerland
- Prof. Dr. Hjh. Raja Suzana Raja Kasim dilantik sebagai Profesor Pelawat di Center for Research on Women and Gender (KANITA), USM

Pakar Rujuk

- Dr. Nik Zulkarnaen bin Khidzir (Felo) dilantik selaku Panel Speaker dalam Forum Malaysia-ASEAN Entrepreneurs Day 2019.
- Dr. Nik Zulkarnaen bin Khidzir (Felo) dijemput sebagai Panel Speaker dalam 7th International Conference on Computing and Informatic 2019 (ICOCI 2019).
- Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi (Felo) telah dilantik sebagai Pengarah Projek Swiss Innovation Challenge, SICM 2020
- Prof. Dr. Hjh. Raja Suzana Raja Kasim dilantik sebagai penyelararas:
 - MySTEM Ambassador JPT, KPM; &
 - Prof@School
- Prof. Dr. Hjh. Raja Suzana Raja Kasim dilantik sebagai panel penilai ASEAN Rice Bowl Startup Awards oleh New Entrepreneurs Foundation (myNEF).



Pakar Rujuk

- Prof. Dr. Raja Suzana Raja Kasim (Pengarah) dilantik sebagai Pakar Rujuk dan Pakar Bidang Keusahawanan dalam bidang Agroindustri:
 - KV Lahad Datu, Sabah;
 - KV Pertanian Chenor, Pahang;
 - KV Dato' Maharaja Lela, Rembau; dan
 - KV Teluk Intan, Perak
- Prof. Dr. Raja Suzana Raja Kasim (Pengarah) dilantik sebagai Pakar Rujuk Bidang Keusahawanan dan Inovasi:
 - KV Pengkalan Chepa, Kelantan;
 - KV Bachok, Kelantan;
 - KV Pasir Mas, Kelantan;
 - KV Sibul, Sarawak; dan
 - KV Gerik, Perak.
- Prof. Dr. Raja Suzana Raja Kasim dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa ILKBS, Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia dan Sukan:
 - J/K Pembangunan Keusahawanan Belia ILKBS
 - J/K Program Pemeraksanaan Keusahawanan dan Inkubator ILKBS

Perunding

- Prof. Madya Dr. Rosli Saleh telah dilantik sebagai panel perunding untuk kajian spesifikasi produk dan pemasaran makanan ternakan ruminan
- Prof. Dr. Raja Suzana Raja Kasim (Pengarah) telah dilantik sebagai Pelapor dan Penulis bagi Kajian Kes Penggabungan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
- Panel Perunding Antarabangsa bagi projek-projek keusahawanan teknologi di bawah geran United Nation Industrial Development Organization (UNIDO)



JANUARI

Majlis Makan Malam
Apresiasi GERIC –
MEDLIT ERASMUS+
di Grand Renai, Kota
Bharu, Kelantan
(8 Januari 2019)

APRIL

- Young Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI) Boot Camp 2019 Sempena Program Unipreneur Fest (27 – 28 April 2019)

MEI

- Geran Mesteeec Dana Malaysia Social Innovation (MySI) Bersama Wakil Komuniti B40 Kg. Tebing Tinggi dan Lembaga Perikanan Kelantan di UMK Kampus Kota)- Teknologi Tangki Cent-Ras Kerapu Hybrid Meningkatkan Ekonomi Komuniti B40 Dalam Penternakan Ikan Marin (28 Mei 2019)
- Mesyuarat Geran Mesteeec Dibawah Dana Malaysia Social Innovation MySI Bersama Wakil Komuniti B40 Dan Pembina Kelantan – Peningkatan Ekonomi B40 Melalui Program NICHE (29 Mei 2019)
- Mesyuarat Susulan Geran MESTEEC Bersama Pengarah Perikanan Negeri Kelantan (30 Mei 2019)

JULAI

- Bengkel Penyediaan dan Pemurnian Kertas Cadangan Penyelidikan: Geran MyLab, Geran Dana Keusahawanan Berimpak Tinggi, Dana Inovasi Sosial dari British Council UK dan Geran APEC MESTECC 2019 – Sutera Inn Prima, Kota Bharu, Kelantan (10&11 Julai 2019)
- 2ND Beehive International Social Innovation Challenge 2019 BISIC19 – UMK Kampus Kota, Kelantan & University Prince of Songkhla, Thailand (13 – 22 Julai 2019)
- 13-17: Prince of Songkhla, Thailand
- 18-19: University Malaysia Kelantan, Kampus Kota
- 20-22: Pulau Perhentian Kecil, Terengganu
- Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia: Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif AKRI 2019 – Bilik Mesyuarat Eksekutif, UMK Kampus Kota (18 Julai 2019)

OGOS

- Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Penyelidikan Berimpak Tinggi bersama Komuniti dan Industri – Hotel Jewel, Kota Bharu, Kelantan (19 Ogos 2019)
- International Conference on ASEAN Food 2019 (ICOAF 19) – UMK Kampus Kota, Kota Bharu, Kelantan (29 Ogos 2019)
International University on E-Learning Carnival (IUCEL 2019) – UNIMAS (21-22 Ogos 2019)
- 2 emas & 2 perak

NOVEMBER

- Latihan Minda Kreativiti Minda Keusahawanan Kanak-Kanak Bersama Anak-Anak Penduduk Orang Asli Temiar Di Pos Hau, Gua Musang, Kelantan (1 November 2019)
- 'Pocket Talk' Di Majlis Sambutan Ulangtahun Ke-19 GISBH Di Bandar Country Homes, Rawang (3 November 2019)
- UNESCO Unitwin Project: Handong Global University, South Korea and Global Entrepreneurship Research and Innovation Centre, Umk Di Bilik Mesyuarat Eksekutif Umk Kampus Kota (21 November 2019)

OKTOBER

- Lawatan Kerja University of Applied Arts and Science (FHNW) dan Swiss Malaysia Business Association (SMBA) ke UMK – Bilik Mesyuarat Eksekutif, UMK Kampus Kota (5 Oktober 2019)

DISEMBER

- Bengkel Perbincangan Meja Bulat Kajian Kes Pengesanan Graduan Menganggur Anak Jati Negeri Kelantan Di Crystal Lodge Hotel, Kota Bharu, Kelantan (3 Disember 2019)
- Kunjungan Hormat Delegasi Umk Ke Pejabat Pengurusan Kanan Global Ikhwan Services Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) Di Pusat Perniagaan Ikhwan, Rawang, Selangor (5 Disember 2019)
- Lawatan Ke Pusat Latihan Cara Hidup Islam Di Maahad Tahfiz Wal Ulum AL-Ghazali, Puchong, Selangor (6 Disember 2019)

PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN INSTITUT PENYELIDIKAN JAMINAN MAKANAN DAN PERTANIAN LESTARI (IFSSA)

No. Of Industries Involved in Research	• TocLan Agritecture Solutions	No. Of Research Awards (National and International)	• Malaysia Technology Expo 2019 Melaka International Intellectual Exposition 2019	Organiser or co-organiser for Conference/ Seminar/ Workshop (Natioanl and International)	• Food and Nutrition Conference 2019 (BioLeagues)
No. of Technologies and Knowledge Transfer	TocLan Agritecture Solutions	No. of Post Graduate Students (PhD/ Master)	PhD International - 1 PhD National - 2 Master - 2	Networking and Linkages	• TocLan Agritecture Solutions • Malaysian Kefir (MayKef) • Bahagian Industri Asas Tani, KADA
Knowledge Sharing Activities	• Penyediaan Probiotik Penggalak Tumbesaran Pokok - AGX 2019 • World Food Day IFSSA 2019 • Program Perkebunan Keluarga	Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)	• Program Khidmat Komuniti Kelab Pencinta Haiwan UMK Kampus Jeli Bersama SK Palekbang	No. of Publication (indexed journals, scopus, IF, proceeding, and books)	• "Facile synthesis of Triphenylamine Based Hyperbranched polymer for Organic Field Effect Transistors" by Dr. Mohammed Aurifullah • "Integrated Nitrogen Management Through Inorganic and Organic Sources of Nitrogen on the Yield and Economic Profitability of Broccoli" by Dr. Mst. Laila Naher

INSTITUT PENYELIDIKAN JAMINAN MAKANAN DAN PERTANIAN LESTARI (IFSSA)

AKTIVITI IFSSA



BENGKEL KAEDAH PENYELIDIKAN SAINTIFIK

1 Julai 2019 – Dr. Shamsul bin Muhamad telah dijemput sebagai penceramah program Bengkel Kaedah Penyelidikan Saintifik anjuran Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Jeli. Bengkel ini bertujuan memberi penerangan kepada para pelajar mengenai proses penterjemahan idea dan rekaan kepada barangan atau servis iaitu dalam bentuk formula; INOVASI = REKAAN + KEGUNAAN.



JALINAN INDUSTRI IFSSA BERSAMA MALAYSIAN KEFIR (MayKef)

17 Julai 2019 – Satu perbincangan awal telah diadakan bersama Encik Asri Othman, Pengarah Syarikat Malaysian Kefir (MayKef) berkaitan jalinan industri antara kedua organisasi. Hasil perbincangan tersebut, pihak MayKef telah bersetuju untuk mengadakan memorandum persefahaman bersama UMK kelak.



MELAKA INTERNATIONAL INTELLECTUAL EXPOSITION 2019 (MIIEX19)

6 – 8 Ogos 2019 – Pameran MIIEX19 diwujudkan untuk menyatukan idea dan inspirasi penyelidik bagi keperluan pengkomersialan. Sehubungan itu, Dr. Shamsul bin Muhamad telah membawa hasil kajiannya iaitu GP RICE yang menggunakan pewarna semulajadi daripada daun pitang yang tidak toksik serta boleh bertukar kepada nasi berwarna ungu gelap apabila dimasak. Produk ini dapat mengelakkan penggunaan pewarna tiruan dalam menghasilkan nasi kerabu.



PROGRAM GUEST LECTURE: INNOVATION AND ENTREPRENEURSHIP

26 September 2019 – IFSSA telah menganjurkan ceramah berkaitan Inovasi dan Keusahawanan di UMK Kampus Jeli. Penceramah program ini telah disampaikan oleh Prof. Dr. KRS Sambasiva Rao, Naib Canselor Mizoram Universiti, India. Para pelajar khususnya menerima banyak manfaat daripada program ini, antaranya dapat mendalami ilmu berkaitan inovasi dan keusahawanan daripada universiti luar negara.



PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI UMK BERSAMA MURID SK PALEKBANG

13 Oktober 2019 – Satu program khidmat komuniti telah diadakan di Dewan Ibnu Khaldun, Sek. Keb. Palekbang. Program ini dijalankan oleh pelajar Sains Penternakan (SBH) yang diketuai oleh saudari Siti Sarah binti Mohammed Azlan di bawah bimbingan Felo Bersekutu IFSSA, Dr. Raja Ili Airina binti Raja Khalif. Tujuan program yang dianjurkan oleh IFSSA dan Fakulti Industri Asas Tani ini adalah untuk membentuk sahsiah pelajar UMK dalam aspek kesukarelawan dalam pelbagai aktiviti. Selain daripada itu, ia juga dapat mempersiapkan pelajar dengan sifat positif seperti membantu dan dapat memupuk kerjasama antara satu dengan lain. Program ini dikendalikan seramai 38 orang pelajar SBH, UMK dan disertai oleh pelajar Tahun 5 dan 6, Sek. Keb. Palekbang.



WORLD FOOD DAY (WFD) 2019

16 Oktober 2019 – Sambutan hari World Food Day (WFD) 2019 diadakan pada tarikh 16 Oktober setiap tahun yang diasaskan oleh FAO (Pertubuhan Makanan dan Pertanian) dan ia turut disambut oleh pelbagai organisasi di seluruh dunia terutamanya yang terlibat dengan jaminan makanan, termasuklah IFSSA. Tema bagi WFD2019 ialah "Healthy Diets for A #zerohungerworld". Program ini mendapat sambutan mengalakkan seramai hampir 200 orang pelajar Kampus Jeli. Program ini telah mencapai objektif dimana dapat memberi kesedaran akan kepentingan konsep jaminan makanan kepada kesihatan individu, serta dapat menyampaikan maklumat berkenaan kaedah bagi meningkatkan jaminan makanan kepada pelajar.



PROGRAM GUEST LECTURE: DASH DIET LOWERS BLOOD PRESSURE IN HYPERTENSIVE PATIENTS IN ASSOCIATION WITH AGE, BMI AND INTERVENTION DURATION: A SYSTEMATIC REVIEW AND META-ANALYSIS EXERCISE

5 November 2019 – IFSSA telah menganjurkan program Guest Lecture bertempat di UMK Kampus Jeli. Penceramah program ini telah disampaikan oleh Dr. Mallikarjuna Korivi, seorang penyelidik daripada Zhejiang Normal University, China. Perkongsian ilmu daripada penceramah ini adalah berkaitan kajian saintifik melibatkan perubatan yang pastinya dapat memberikan kesedaran kepada peserta tentang penyakit darah tinggi serta diet yang sihat.



2nd INTERNATIONAL CONFERENCE ON FOOD & NUTRITION 2019

7-8 November 2019 – Satu persidangan yang dianjurkan oleh BioLeagues Worldwide dengan kerjasama Malaysian Institute of Food Technology (MIFT), Institute of Food Security and Sustainable Agriculture (IFSSA) UMK, Association of Food Scientists & Technology (India) (AFSTi), dan Nutrition and Natural Health Science Association, telah diadakan di Holiday Inn Express, Kuala Lumpur. Persidangan ini telah dihadiri oleh saintis, professor, ahli industri, penyelidik, dan pelajar bagi berkongsi pengetahuan dan penyelidikan dalam semua aspek pemakanan. Persidangan ini telah menyediakan platform menarik dan memberi peluang kepada peserta bertemu dan berinteraksi dengan ahli sains dan penyelidik terkemuka bagi berkongsi pengetahuan dan kepakaran masing-masing.

INSTITUT PENYELIDIKAN DAN PEMBASMIAN KEMISKINAN (InsPeK)



3

No of industries involved in Research.

4

No of publication in indexed journals, Scopus, IF, proceeding and books

RM84,100

No. of Consultancy (with or without monetary rewards.

- Yayasan Sejahtera
- Jabatan Pembangunan dan Persekutuan

1

No of post-doctoral candidates and attachment programmes (government or private agencies)

RM3.06 Juta

Total research grants obtained (RM million) – National and International, Government and private)

FRGS, UTM, KPM, MoF

AKTIVITI InsPeK



Perbincangan dengan Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Kelantan

10 FEBRUARI 2019

PERANCANGAN PEMETAAN KOMUNITI JELI

Mesyuarat penyelarasan Pemetaan Komuniti Jeli dengan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang menumpukan kepada usaha untuk membina pangkalan komprehensif komuniti di Jeli, Kelantan. Mesyuarat ini dihadiri oleh Encik Zuraidy bin Zainal Abidin, Pengarah DOSM Kelantan.



Deligasi UTHM dan InsPeK

13 FEBRUARI 2019

LAWATAN PENANDA ARAS DARI UTHM

InsPeK menerima delegasi dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sebagai lawatan penanda aras. Kunjungan ini melibatkan perkongsian pencapaian InsPeK dan peluang kolaborasi antara InsPeK UMK dan UTHM di masa hadapan.



Sesi pengumpulan data melalui
kaedah NGT.

14 FEBRUARI 2019

PEMETAAN SNL TUMPAT

InsPeK memulakan proses pemetaan komuniti miskin di Jajahan Tumpat. Aktiviti ini melibatkan pengumpulan data dengan menggunakan pendekatan rakan-kongsi (partnership) di lapangan kajian.



Perbincangan ringkas berkaitan
peluang kolaborasi di masa
hadapan.

06 MAC 2019

KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT DATO SUK KELANTAN

Kunjungan hormat InsPeK ke pejabat YB Dato SUK negeri Kelantan, YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran bin Muhammad. Kunjungan ini tertumpu kepada perkongsian ringkas hasil pemetaan kemiskinan Kelantan InsPeK, potensi ekonomi dan kerjasama khusus untuk menguruskan kemiskinan di Kelantan.



Pengarah InsPeK mempengerusikan perbincangan membina "Alert And Support System" pelajar B40 di UMK.

10 MAC 2019

PERBINCANGAN AWAL PROJEK "ALERT AND SUPPORT SYSTEM" PELAJAR B40 DI UMK

Usaha bersama antara PTj di Universiti Malaysia Kelantan, iaitu Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Pusat Islam untuk bersama membina Projek "Alert And Support System" pelajar B40 di UMK.



Ketua Projek, Dr Nur Hanan Abdul Rahman mengetuai bengkel penghasilan produk pes.

13-14 MAC 2019

PEMROSESAN PES MAKANAN DAN IKAN LUNAK

Bengkel pemindahan ilmu untuk golongan B40 berasaskan projek pemprosesan pes makanan dan ikan lunak untuk 14 orang Wanita Nelayan (KUNITA) Tok Bali yang berlangsung di UMK Bachok.



Bengkel yang diuruskan oleh Dr. Hazriah Hassan

06 APRIL 2019

BENGKEL PEMASARAN MODUL 3

Bengkel pemasaran modul 3, iaitu penentuan harga bagi projek Pemprosesan Ikan Lunak dan Produk Pes Makanan Laut. Modul ini disampaikan oleh Dr Hazriah Hasan kepada kumpulan wanita nelayan (KUNITA) Tok Bali.



Antara aktiviti yang dilaksanakan kumpulan gelandangan di Kuala Lumpur.

23 APRIL 2019

TINJAUAN LAPANGAN BERKAITAN KEMISKINAN BANDAR DI KUALA LUMPUR

InsPeK mengadakan tinjauan lapangan berkaitan kemiskinan bandar di Kuala Lumpur dan "Khidmat Masyarakat for you" Gelandangan Kuala Lumpur. Program ini dianjurkan bersama dengan oleh Fakulti Teknologi Warisan dan Kreatif (FTKW), InsPeK dan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) di Lorong Hj Taib, Kuala Lumpur.



Sesi pertukaran dokumen MoU antara InsPeK UMK dan Yayasan Sejahtera

28 APRIL 2019

PERBINCANGAN PEMBINAAN KAPASITI KOMUNITI MISKIN BACHOK

Pertukaran dokumen MoU antara InsPeK dan Yayasan Sejahtera. MoU ini dilestarikan melalui projek pembinaan kapasiti komuniti miskin terpilih di Bachok. Perbincangan ini dihadiri oleh COO Yayasan Sejahtera, Pn. Suheilah Abu Bakar dan team dan 12 orang pakar dari UMK.



Bengkel bersama pasukan InsPeK-Yayasan Sejahtera.

27-28 MEI 2019

BENGKEL "SEJAHTERA INFORMATION MANAGEMENT SYSTEM" (SIMS)

Sesi bengkel bersama pasukan Yayasan Sejahtera berkaitan projek pengurusan kemiskinan di Bachok, Kelantan. Bengkel lebih kepada proses koordinasi projek pemeraksanaan komuniti miskin di Bachok.



Enumerator mengumpulakn data ke atas responden.

MEI 2019

PEMETAAN KOMUNITI JELI DAN TANAH MERAH

Proses pengumpulan data bagi 1,200 orang penduduk meliputi 6 buah kampung di sekitar Jeli dan Tanah Merah. Antara kampung yang terlibat adalah Kampung Renyuk, Kampung Sg. Rual, Kampung Kalok, Kampung Kalai, Kampung Sg. Satan dan Kampung Kelisar.



Perbincangan antara MARDI dan InsPeK.

12 JUN 2019

PERBINCANGAN KOLABORASI BERSAMA MARDI

Telah diadakan satu perbincangan awal dengan pegawai MARDI Kelantan berkaitan kolaborasi yang boleh dilaksanakan berasaskan kekuatan dan potensi masing-masing. Perbincangan awal ini dihadiri oleh Puan Suriyaty Shamshudin dan En Mazwan Ismail, dari Pusat Pemindahan Teknologi dan Pembangunan Usahawan, MARDI.



Pegawai Penyelidik InsPeK sedang mengumpulkan data.

18 JUN 2019

PROJEK PEMERKASAAN KOMUNITI BACHOK

Projek Pemerksaan Komuniti Bachok melalui Program Pembinaan Kapasiti Berimpak Lestari bertempat di Jajahan Bachok. Projek ini mempunyai empat (4) sub-projek, iaitu Modul Perniagaan, Modul NLP, Sistem SIMS dan Pemetaan Potensi Peserta di bawah Yayasan Sejahtera.



Ahli penyelidik UMK bersama Orang Asli.

23 JUN 2019

PROJEK PEMERKASAAN ORANG ASLI KUALA KOH

Kunjungan pasukan penyelidik UMK ke Kampung Orang Asli Batek Aring 10, di Kuala Koh, Gua Musang. Tujuan kunjungan ini adalah untuk mengenal pasti projek berpotensi untuk dibentangkan kepada JAKOA Kelantan.



Perbincangan antara UMK-KPDNHEP Kelantan.

26 JUN 2019

PERBINCANGAN PROGRAM FOOD BANK SISWA ANTARA UMK DAN KPDNHEP

Mesyuarat Koordinasi Majlis Pelancaran Food Bank Siswa bersama UMK telah diadakan di KPDNHEP, Kelantan. Perbincangan ini juga menjurus kepada persiapan majlis perasmian, program menambah impak dan cadangan penambahbaikan sistem penyampaian melalui memperkasakan pelajar B40 dalam aktiviti Food Bank.



Perkongsian yang mendalam antara InsPeK dan LeapED.

27 JUN 2019

KONSULTANSI PROGRAM PEMBANGUNAN DAN PENDIDIKAN ORANG ASLI

Perbincangan perundingan antara InsPeK dan LeapEd Services Sdn. Bhd. (LeapED) bertempat di LeapEd Services Sdn. Bhd., Menara TM Kuala Lumpur. Perundingan menjurus perincian program pembangunan jangka panjang Orang Asli melalui pendidikan dan pemerksaan ekonomi.



YB Sivarasa Rasiah (Timbalan Menteri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan pasukan UMK.

14 JULAI 2019

KUNJUNGAN HORMAT YB TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH KE InsPeK

Kunjungan hormat YB Timbalan Menteri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) YB Sivarasa Rasiah ke Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) UMK. Tujuannya adalah untuk mendapatkan input lebih mendalam hasil kajian Pemetaan Kemiskinan di Kelantan dan kerangka projek pembinaan kapasiti ke atas komuniti miskin yang dilaksanakan oleh InsPeK, UMK. Seterusnya membentuk kerangka kolaborasi antara InsPeK dan KPLB.



Gotong royong di Perkampungan Orang Asli Kuala Koh.

18 JULAI 2019

PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI KUALA KOH, GUA MUSANG

Program gotong royong perdana di perkampungan Orang Asli Kuala Koh melibatkan seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada penduduk kampung, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta NGO. Mereka adalah rakan strategik InsPeK dalam membangunkan komuniti miskin.



Penyampaian cenderamata kepada Naib Canselor PICOMS.

28 JULAI 2019

KUNJUNGAN HORMAT DELIGASI KOLEJ UNIVERSITI ANTARABANGSA PICOMS

Delegasi PICOMS diketuai oleh CEO merangkap Naib Canselor PICOMS, YBhg Prof Dr Wan Azizi Wan Sulaiman dan pegawai ke Pejabat InsPeK. Perbincangan menjurus kerjasama strategik dari aspek pendidikan untuk asnaf, penyelidikan, perundingan dan keusahawanan.



Penjualan produk InsPeK yang dihasilkan oleh komuniti berpendapatan rendah.



Sesi perbincangan bersama antara pemegang taruh InsPeK.



Perbincangan bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar

31 JULAI – 04 OGOS 2019

HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN NEGERI KELANTAN 2019

InsPeK turut menyertai “Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan 2019” yang diadakan di Pantai Bisikan Bayu, Semerak, Pasir Puteh, Kelantan. InsPeK telah menghasilkan dua (2) produk sebagai hasil pemindahan ilmu kepada Komuniti Kumpulan Wanita Tok Bali (KUNITA). Produk yang dihasilkan adalah Ikan Tulang Lunak dan Pes Makanan Laut.

02 OGOS 2019

PERBINCANGAN BERKAITAN PEMBINAAN KERANGKA SOCIAL ENTERPRISE MELALUI PENGURUSAN SISA PEPEJAL

Perbincangan berkaitan pembinaan kerangka social enterprise melalui pengurusan sisa pepejal telah diadakan di Bilik Mesyuarat Yayasan Sejahtera. Perbincangan ini adalah melibatkan InsPeK, Yayasan Sejahtera, Universiti Malaya, Yayasan Basmi Kemiskinan (YBM) dan syarikat Gruenteknik. Tujuan perbincangan ini diadakan adalah untuk membincangkan pembinaan kerangka social enterprise melalui pengurusan sisa pepejal dengan kerjasama pihak-pihak yang terlibat bagi membantu menguruskan kemiskinan.

02 OGOS 2019

KUNJUNGAN HORMAT InsPeK KE PEJABAT KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Kunjungan hormat InsPeK dan pembentangan hasil kajian Pemetaan Kemiskinan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar bertempat di Bilik Mesyuarat KPLB.



Peserta sedang menjalankan proses pembuatan ikan lunak dan pes.

21 OGOS 2019

KUNJUNGAN BERNAMA KE PUSAT PEMROSESAN PRODUK IKAN LUNAK DAN PES

BERNAMA telah mengadakan kunjungan ke pusat pemprosesan ikan lunak dan pes bertempat di MARDI, Pasir Puteh. Tujuan kunjungan ini diadakan adalah untuk melihat pemprosesan ikan lunak dan pes sehingga ke peringkat akhir. Seramai 14 orang peserta dari Kumpulan Usahawan Wanita Nelayan (KUNITA) Tok Bali dan juga Ketua Projek, Dr. Nurhanan bt Abdul Rahman.



Sesi penukaran dokumen MoU oleh Naib Canselor UMK dan Naib Canselor Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS

27 OGOS 2019

PERTUKARAN DOKUMEN MoU ANTARA UMK DAN PICOMS

Majlis pertukaran dokumen MoU antara UMK dan PICOMS telah diadakan antara Naib Canselor UMK dan Naib Canselor Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS



Sesi perkongsian mengenai projek disampaikan oleh salah seorang peserta.

29 OGOS 2019

BENGKEL PEMANTAPAN MODUL (PUSINGAN AKHIR) PROJEK PEMINDAHAN ILMU InsPeK

Bengkel Pemantapan Modul (Pusingan Akhir) Projek Pemindahan Ilmu InsPeK telah diadakan di Hotel Perdana, Kota Bharu. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membuat rumusan akhir dan menilai tahap pencapaian projek pes dan ikan lunak bersama peserta. Seramai 14 orang peserta dari Kumpulan Usahawan Wanita Nelayan (KUNITA) Tok Bali dan 7 orang penyelidik menyertai bengkel ini.



Sesi perbincangan bersama
Kementerian Kewangan Malaysia

08 OKTOBER 2019 **PEMBENTANGAN PROJEK PERUSAHAAN** **SOSIAL (SOCIAL ENTERPRISE) UMK KEPADA** **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MoF)**

Prof. Dr. Arham Abdullah (Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMK), Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK) dan Dr. Abdul Hafidz Bin Yusoff, (Pengarah RMO) membentangkan projek perusahaan sosial UMK kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF). Pembentangan ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim (Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan (Sektor Kontrak)), Kementerian Kewangan Malaysia.



Sesi taklimat oleh Pengarah InsPeK
kepada staf

09-11 OKTOBER 2019 **BENGKEL PEMERKASAAN PRESTASI INSTITUT** **PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN KEMISKINAN** **(InsPeK)**

Bengkel Pemeraksanaan Prestasi InsPeK diadakan di Hotel Paya Bunga, Kuala Terengganu. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menyemak perancangan aktiviti dan program InsPeK supaya selari dengan Pelan Pelaksanaan Strategik InsPeK, mewujudkan perancangan yang lebih jelas dan strategik bagi memastikan InsPeK mencapai objektif penubuhannya.



Kunjungan Pengerusi Ahli
Lembaga Pengarah UMK bersama
Pengurusan Tertinggi ke gerai
InsPeK

18-21 OKTOBER 2019 **PEMBUKAAN GERAJ JUALAN IKAN LUNAK DAN** **PES SEMPENA PESTA KONVOKESYEN UMK KALI** **KE 9**

InsPeK membuka gerai di Pesta Konvokesyen (PESKO) UMK untuk mempromosikan dua (2) produk yang dihasilkan oleh golongan B40 Kumpulan Nelayan Wanita (KUNITA) Pasir Puteh, Kelantan. Mereka merupakan peserta yang telah mengikuti program pemindahan ilmu InsPeK yang diketuai oleh YBrs. Dr. Nurhanan Binti Abdul Rahman.



29 OKTOBER 2019 COLLOQUIUM ON ENDOWMENT, CROWDFUNDING AND BLOCKCHAIN 2019

InsPeK dengan kerjasama Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) UMK dan Yayasan Bina Lestari Malaysia (YBLM) telah mengadakan program "Colloquium on Endowment, Crowdfunding and Blockchain 2019". Perkongsian ini telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Yusof Boon berkaitan pengalaman UTM menguruskan endowmen. Pn Elaine Lockman pula berkongsi konsep dan praktikal asas crowdfunding. Akhir sekali perkongsian dari Dr Mazlan Ahmad berkaitan blockchain dalam sistem wakaf dan endowmen.



30 OKTOBER 2019 KUNJUNGAN HORMAT KE YAYASAN PETRONAS

Kunjungan hormat dan perbincangan mesra dengan Yayasan PETRONAS telah diadakan di Menara Berkembar Petronas Kuala Lumpur. Deligasi UMK diketuai oleh YBhg Prof. Dr. Arham bin Abdullah (Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMK), Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK) dan Dr Nurhanan binti Abd Rahman (Ketua Bahagian Perkhidmatan dan Akademik InsPeK). Yayasan Petronas pula dihadiri oleh Pn Lita Osman (CEO Yayasan Petronas) dan Pn Tengku Noraida.



Sesi bergambar bersama ahli yang hadir ke sesi perbincangan.

07 NOVEMBER 2019 PERBINCANGAN SISTEM E-WALI

Pembentangan dan perbincangan susulan kepada YB Dato' Mumtaz Md Naww (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, Negeri Kelantan) telah diadakan di Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu. Perbincangan berkaitan pembentukan ekosistem e-wali dalam pengurusan kemiskinan di Kelantan. Melalui ekosistem e-wali ini kelak, peranan dan keupayaan modal sosial dalam bentuk sistem wali diperkasakan untuk membawa bersama masyarakat menguruskan kemiskinan.



Pengarah InsPeK bersama team NLP membuat pemantauan projek bersama peserta

16 NOVEMBER 2019 PROGRAM PEMERKASAAN KOMUNITI BACHOK MELALUI PROGRAM PEMBINAAN KAPASITI BERIMPAK LESTARI

InsPeK bersama team NLP telah mengadakan program pemantauan projek ke rumah peserta Projek Pembinaan kapasiti Yayasan Sejahtera-InsPeK UMK ke atas komuniti miskin di sekitar Bachok.



Sesi bergambar bersama penceramah dan peserta

19 - 21 NOVEMBER 2019 BENGKEL "PELAN TINDAKAN PENGURUSAN KEMISKINAN KELANTAN 2021-2025"

InsPeK dan rakan strategik berjaya menghasilkan draf pertama "Pelan Tindakan Pengurusan Kemiskinan Kelantan 2021-2025" dalam fasa 1-1 melalui bengkel selama 3. Objektif bengkel ini adalah untuk membentuk draf awal "Pelan Tindakan Pengurusan Kemiskinan". Bengkel ini dihadiri oleh wakil Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), agensi SUK Kelantan, Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan KEBAJIKAN, MAIK, JAHEIK, Pejabat Pembangunan Kelantan ICU JPM, JKM dan 5 agensi lain.

PENCAPAIAN KPI

INSTITUT KEPINTARAN BUATAN DAN DATA RAYA (AIBIG)



KEY PERFORMANCE INDICATOR



NO OF PUBLICATION **(8)**

ISI-WOS : **5**

SCOPUS : **17**

CONFERENCE : **8**

BOOK CHAPTER : **5**

EDITED BOOK : **1**



HUMAN CAPITAL
DEVELOPMENT

✓ Phd = main supervisor : **1**,
co supervisor : **4**

✓ msC = main supervisor **2**,
co supervisor : **4**



NO. OF CONSULTANCY WITH
OR WITHOUT MONETARY
REWARDS : **1**



NO. OF TECHNOLOGY &
KNOWLEDGE
TRANSFER : **1**



TOTAL RESEARCH GRANTS
OBTAINED (RM MILLION)

NATIONAL AND
INTERNATIONAL,
GOVERNMENT AND PRIVATE :
RM 663,394



KNOWLEDGE SHARING
ACTIVITIES : **4**



RESEARCH FACILITIES
DEVELOPED : **1**



NO. OF INDUSTRY
INVOLVED IN RESEARCH : **1**



CONFERENCE AND
SEMINAR (NATIONAL AND
INTERNATIONAL) : **2**

AKTIVITI AIBIG



i) Perbincangan E-Commerce bersama Alibaba Group

Perbincangan yang telah diadakan pada 22 Februari 2019 bertempat di Kuala Lumpur adalah bagi membincangkan peluang kerjasama dalam bidang e-commerce. Alibaba merupakan sebuah syarikat perniagaan yang terkenal dalam perusahaan e-dagang. Perbincangan ini adalah mengenai kursus yang akan ditawarkan dalam Program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian (*Track in Artificial Intelligence and Data Science*) dan pensijilan profesional *Digital Entrepreneurship*.

ii) Kolaborasi AIBIG bersama Huawei Sdn Bhd



Syarikat teknologi yang terkemuka di dunia iaitu Huawei Sdn Bhd telah hadir ke UMK pada 18 April 2019 bagi mengadakan perbincangan bersama AIBIG mengenai kursus yang boleh ditawarkan dalam Program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian (*Track in Artificial Intelligence and Data Science*) dan juga Pensijilan Profesional (*Big Data* dan *AI*) yang akan diberi kepada pelajar setelah menamatkan pengajian dalam program tersebut.



iii) Persidangan 13th International Conference on Practical Applications Of Computational Biology And Bioinformatics, Avila Spain (PACBB 2019).

Pengarah AIBIG telah mempengerusikan dan membentangkan kertas kerja dalam PACBB 2019 yang berlangsung pada 26 Jun hingga 28 Jun 2019 di Avila, Spain. Persidangan ini dianjurkan oleh AIBIG UMK bersama dengan beberapa universiti antarabangsa yang lain.

Kertas kerja tersebut diterbitkan dalam buku prosiding antarabangsa (*Springer*). Kertas kerja yang terbaik akan dipilih dan seterusnya diterbitkan di dalam jurnal yang diindeks oleh Web of Science dan Scopus.



iv) PENUBUHAN UMK IR 4.0 COMPETENCE CENTRE

AIBIG telah berjaya mendapatkan kelulusan dana sebanyak RM 400,000.00 daripada Jabatan Pendidikan Tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia) untuk melaksanakan Program *Industry@University: 4IR Competence Centre*. Penubuhan pusat ini bertujuan untuk memberi latihan berasaskan teknologi *Industrial Revolution 4.0* iaitu dalam bidang *Artificial Intelligence*, Big Data dan Data Science kepada universiti dan masyarakat. Beberapa syarikat besar dalam IT seperti Huawei, Alibaba, Microsoft dan CISCO bersetuju untuk bersama sama menjayakan pusat ini.



v) Penceramah bagi Kursus Metodologi Penyelidikan anjuran Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik.

Kursus ini telah diadakan pada 14 Julai 2019 bertempat di Bilik Kuliah Kampus Pengkalan Chepa. Kursus ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan sebagainya yang berkaitan dengan pengajian di peringkat Sarjana dan Ph.D di dalam Negara dan juga luar Negara.



vi) Kunjungan ke Kumpulan Media Karangkraft

Satu lawatan dan kunjungan ke Kumpulan Media Karangkraft diadakan bagi menjalinkan hubungan kerjasama dengan pihak industri pada 18 Julai 2019 yang lepas. Hasil dari perbincangan tersebut, AIBIG dan Kumpulan Media Karangkraft bersetuju untuk membangunkan projek "*Sentiment Analysis using AI*".



vii) Penceramah bagi Slot Kursus Pengajaran dan Pembelajaran yang bertajuk *Education 4.0*

Pengarah AIBIG, telah dijemput sebagai penceramah bagi Slot Kursus Pengajaran dan Pembelajaran dengan tajuk : *Education 4.0* pada 29 Julai 2019 bertempat di UMK Kampus Kota. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan mengenai IR4.0 di dalam pengajaran dan pembelajaran kepada staf akademik UMK.



viii) Kolaborasi AIBIG dan Universiti Brawijaya.

Pada 25 September 2019, AIBIG telah menerima satu kunjungan daripada Universiti Brawijaya, Indonesia bagi membincangkan kerjasama yang boleh memberi manfaat kepada kedua belah pihak. Hasil daripada kunjungan tersebut, kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk bekerjasama dalam menyumbang kepakaran terutama dalam bidang teknologi pertanian dan juga *Artificial Intelligence*, *Internet of Things (IoT)* dan *Big Data*.



ix) Kunjungan Mesra dan Perbincangan Jalinan Kerjasama bersama Microsoft Office, Malaysia.

Pengarah AIBIG telah dijemput untuk ke sesi kunjungan mesra dan perbincangan bersama Microsoft Malaysia pada 24 Oktober 2019 di Pejabat Microsoft Office Malaysia. Perbincangan tersebut adalah mengenai kursus yang akan ditawarkan dalam Program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian (*Track in Artificial Intelligence and Data Science*) yang bakal ditawarkan dan juga program Pensijilan Profesional dalam *Data Science (DS)* dan *Big Data (BD)*. Kunjungan hormat dan perbincangan tersebut turut dihadiri oleh beberapa orang pegawai kanan dan pensyarah UMK.



x) Perbincangan bersama pihak Terang Academy bagi Kursus Keusahawanan Program IT

Sesi Perbincangan YBhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan YBhg. Prof. Dr. Mohd Saberi Mohamad, Pengarah AIBIG bersama YBr. Encik Rafizan Baharum dan YBr. Encik Iskandar Johari dari Terang Academy pada 24 Oktober 2019 mengenai Kursus Pembangunan Apps kepada pelajar UMK yang bukan dalam bidang IT. Kursus ini dijalankan secara *bootcamp* selama 2 minggu. Hasil kursus ini adalah setiap pelajar dapat menghasilkan *business model* dan juga Apps.



xi) Bengkel Penyediaan Dokumen MQA 01 Bagi Program Akademik Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian (*Track in Artificial Intelligence and Data Science*)

Bengkel ini telah diadakan pada 3 November sehingga 7 November 2019 iaitu selama 5 hari bagi menyiapkan dokumen MQA 01 sebelum diserahkan kepada pihak MQA. Bengkel ini melibatkan beberapa orang pensyarah dari AIBIG, Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi dan juga Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan.

xii) Bengkel *Teaching and Learning Competencies for Artificial Intelligence From An Information Access Perspective*

Pengarah AIBIG merupakan salah seorang panel bagi Bengkel *Teaching And Learning Competencies For Artificial Intelligence From An Information Access Perspective* dan mesyuarat mengenai “*Artificial Intelligence*” (AI) pada 7 dan 8 November 2019 yang diadakan di Ibu Pejabat UNESCO, Paris. Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi cadangan komponen kecekapan *Artificial Intelligence* bagi pelajar dan tenaga pengajar di sekolah mahupun universiti.

xiii) Mesyuarat Penasihat Luar Akademik bagi Program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian (*Track in Artificial Intelligence and Data Science*).



AIBIG dengan kerjasama Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi telah mengadakan satu Mesyuarat bersama Penasihat Luar Akademik bagi Program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian (*Track in Artificial Intelligence and Data Science*) dengan Kepujian pada 13 November 2019 bertempat di PNB Park Perdana Hotel, Kuala Lumpur. Agenda utama mesyuarat ini adalah untuk mendapatkan pandangan daripada penasihat luar terhadap Program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan kepujian (*Track in Artificial Intelligence and Data Science*) yang akan ditawarkan di UMK.



Sesi bergambar bersama ahli mesyuarat di PNB Park Perdana Hotel, Kuala Lumpur.

Senarai Penasihat Luar bagi Program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian (*Track in Artificial Intelligence and Data Science*) adalah seperti di bawah:

No.	Name	Position	Organization
1.	Prof. Emeritus Dato' Dr. Zaidi Bin Mohamed	Professor Emeritus and Former UMK VC	Faculty of Technology & Informatics, UTM
2.	Professor Dr. Rumi Abdullah	Senior Professor and Dean	School of Computer Science, UTM
3.	Professor Dr. Naomir Salleh	Senior Professor and Deputy Dean	School of Computing, UTM
4.	Professor Dr. Auliah Mohamed	Senior Professor and Former Dean	Faculty of Computer & Mathematical Sciences, UTM
5.	Prof. Dr. Heng Seng Heng	Senior Professor and Director	Director of Research Institute for Digital Security, MMU
6.	Simon Ng	Senior Director (Public Affairs and Communications)	Huawei
7.	Shrikh Manojkumar Ghani	General Manager (Public Sector Group)	Microsoft
8.	Emilia Matruh	Inform President & CEO	MAAC
9.	Nik Nuzairul Mohd Nuzri	Head (R&D Development and Talent)	MDEC
10.	Hamid Abu	Head (Graduate and Emerging Talent)	TalentCorp

No.	Name	Position	Organization
1.	Professor Dr. Iwan Manani Corbacho	Senior Professor and Director	Digital Innovation Hub, Salamanca University AI Research Institute, Salamanca University
2.	Professor Dr. Richard Smith	Senior Professor and Executive Board Director	eResearch, The University of Melbourne
3.	Professor Dr. Tigris Omali	Senior Professor	Division of Data-Driven Smart Systems Design, Arizona University
4.	Professor Dr. Eiji Kamioka	Senior Professor and Head	Mobile Multimedia Communications Laboratory, Shibaura Institute of Technology
5.	Professor Dr. David Perry	Professor and Head	Department of Computer Science, Auckland University of Technology
6.	Dr. Shafiq Werna	Resident Faculty	University of New Brunswick



Perbincangan bersama Delegasi Kerajaan Guizhou yang telah diadakan di Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya pada 19 November 2019. Perbincangan antara

AIBIG dengan Kerajaan Guizhou ini adalah mengenai kerjasama dalam projek penyelidikan yang berkaitan dengan Big Data.

xv) Pembentangan Inisiatif UMK-Huawei oleh Pengarah AIBIG



Pembentangan Inisiatif UMK-Huawei telah dibentangkan oleh Pengarah AIBIG semasa lawatan rasmi YBhg. Dato' Dr. Gazali Abas (Setiausaha Agung Kementerian Pendidikan Malaysia) kepada Huawei Technologies (M) pada 21 November 2019. Pembentangan ini adalah mengenai penubuhan IR 4.0 Competence Centre bagi melatih dan memberi pendedahan mengenai Artificial Intelligence (AI) and Big Data (BD) untuk pelajar, staf dan juga komuniti setempat. Selain itu, pembentangan ini juga adalah berkaitan dengan kursus yang akan ditawarkan dalam Program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian (Track in Artificial Intelligence and Data Science) dan akan mendapat Pensijilan Profesional dari Huawei.



xvi) Kunjungan CISCO ke UMK

Sesi Kunjungan Hormat & Mesyuarat Bersama Cisco Systems Malaysia yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) pada 25 November 2019. Turut hadir bersama adalah YBhg. Prof. Mohd Saberi bin Mohamad, Pengarah AIBIG dan YBrs. Encik Wan Azlee Bin Hj. Wan Abdullah, Pengarah CCI.

Mesyuarat ini membincangkan mengenai kursus *Internet of Things (IoT)* yang akan ditawarkan di dalam Program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian (*Track in Artificial Intelligence and Data Science*) dan pendedahan ini juga akan diberikan kepada pelajar bukan IT. Pelaksanaan IoT ini adalah melalui penubuhan makmal *IR 4.0 Competence Centre* yang bertujuan untuk memberi latihan kepada staf dan pelajar UMK, sekolah dan masyarakat.



xvii) Kunjungan Pengarah Pendidikan Malaysia, China

Perbincangan bersama En Aziz How Abdullah Pengarah Pendidikan Malaysia, China yang diketuai oleh YBhg Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah selaku Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), dan YBhg Prof. Dr. Mohd Saberi bin Mohamad Pengarah AIBIG telah diadakan pada 12 Disember 2019. Perbincangan tersebut turut melibatkan felo tetap AIBIG dan juga staf CCI. Perbincangan yang berlangsung hampir dua jam itu turut membincangkan mengenai peluang kerjasama terutama dalam *Big Data* yang boleh dicapai antara AIBIG dan CCI di UMK dengan beberapa institusi di China.



BAB 8

KEWANGAN



PELAPORAN BELANJA MENGURUS, PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPK) adalah merupakan bahagian yang menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kewangan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) termasuk juga urusan perolehan yang melibatkan pejabat-pejabat dibawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

LAPORAN BELANJA MENGURUS TNCPI 2019

KUMPULAN WANG MENGURUS PEJABAT TNCPI (2019)	
	RM
Pendapatan:	
Pemberian Kerajaan	
-Peruntukan asal	1,500,000.00
-Peruntukan tambahan/pindah peruntukan	11,261.00
Tolak : Perbelanjaan	
Vot 14000	16,828.00
Vot 15000	1,070.00
Vot 21000	244,436.00
Vot 22000	0.00
Vot 23000	547.13
Vot 24000	90,951.00
Vot 25000	1,671.00
Vot 26000	3,641.00
Vot 27000	204,667.00
Vot 28000	24,915.00
Vot 29000	631,774.00
Vot 35000	32,500.00
Vot 42000	30,000.00
Vot 52000	580.00
Jumlah	1,283,579.00
Lebih pendapatan 31 Disember 2019	
Baki pada 31 Disember 2019	205,160.00

PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
16300 BACHOK, KELANTAN

No. Tel : 09-7797736 E-mel : tncpi@umk.edu.my



research.umk.edu.my



www.facebook.com/UMKresearch

ISSN 2716-6503



9 772716 650008